

04/10/2002

Makanan genetik atasi masalah kebuluran

Salina Abdullah

ADAKAH dunia memerlukan makanan yang diubah suai secara genetik?

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika diajukan persoalan itu berkata, makanan yang diubah suai secara genetik atau lebih dikenali sebagai GMF, diperlukan bagi menangani masalah kebuluran yang dihadapi beberapa negara di dunia.

Penghasilan makanan yang diubah suai secara genetik membolehkan makanan dihasilkan dengan lebih banyak serta lebih cepat bagi menampung keperluan penduduk dunia yang semakin bertambah.

Pandangan ini turut dikongsi sekumpulan saintis dan pihak berkaitan. Bagaimanapun, sekumpulan yang lain berpendapat sebaliknya.

Pengeluaran makanan dunia didakwa berlebihan dan mampu membekalkan makanan kepada tambahan 800 juta penduduk dunia jika ia diedar dan dipasarkan dengan betul dan berkesan.

Bagaimanapun, penganalisis dasar dari India, Devinder Sharma, berkata masyarakat dunia 'ditipu' dengan kenyataan bahawa bekalan makanan tidak mencukupi dan menjelang 2020, 1.4 bilion penduduk dunia akan kelaparan jika GMF tidak dihasilkan.

Di India, sebagai contoh, katanya, lebih 65 juta tan makanan rosak dan dibazirkan sedangkan pada masa sama 320 juta penduduk di negara itu kebuluran.

Makanan di negara itu dan juga Pakistan berlebihan tetapi petani dipaksa menghasilkan lebih banyak makanan sehingga petani di negara terbabit membunuh diri kerana tiada pembeli.

Beliau yang juga anggota Forum Bioteknologi dan Keselamatan Makanan India, berpendapat penghasilan GMF adalah agenda korporat negara Barat semata-mata untuk mengaut keuntungan.

Tidak cukup dengan alasan kebuluran, negara terbabit juga menggunakan faktor kekurangan zat makanan penduduk dunia untuk memasarkan produk bioteknologi ini.

Negara Barat mendakwa lebih 68 juta penduduk dunia hari ini kekurangan zat makanan, dengan lebih 12 juta daripadanya adalah rakyat India, yang menetap di 'jaluran kelaparan' di negara itu.

Lebih 25 juta penduduk India tinggal di sepanjang jaluran ini. Mereka menghasilkan makanan yang diperlukan dunia tetapi mereka sendiri berhadapan dengan masalah kekurangan bekalan makanan.

Saintis dari Amerika Syarikat (AS), Michael Hansen, mempersoalkan keselamatan GMF ini. Beliau mendakwa, sehingga hari ini, Pihak Berkuasa Kawalan Makanan dan Dadah (FDA) AS, tidak pernah membuat sebarang kesimpulan mengenai GMF, terutama dari aspek keselamatannya.

Tiada peruntukan undang-undang yang mensyaratkan pengusaha GMF menjalankan kajian berhubung tahap keselamatan GMF sebelum ia dipasarkan kepada pengguna.

"Syarikat boleh menghasilkan apa saja produk GMF dan menjualnya kepada petani serta pengguna.

"Mereka tidak perlu menjalankan ujian keselamatan bagi mengenal pasti kesan buruk makanan itu kepada kesihatan dan keselamatan pengguna," katanya.

Secara keseluruhan, keselamatan GMF adalah satu faktor yang diperdebatkan banyak pihak hingga menyebabkan ia tidak diterima secara meluas.

Hakikatnya, jika diteliti secara mendalam, kebanyakan makanan yang ada

ketika ini, malah berpuluh tahun lalu, adalah makanan yang sudah diubah suai secara genetik.

Beberapa saintis probioteknologi dan GMF memberikan contoh tomato yang dimakan secara meluas oleh penduduk dunia hari ini.

Tomato itu, kata mereka, adalah tomato yang sudah diubah suai genetiknya. Jika tomato ini tidak diperbaiki ciri genetiknya, sudah pasti ia tidak dapat dimakan hari ini kerana tomato yang benar-benar asli adalah beracun.

Kisah tomato ini sekadar satu contoh. Difikirkan secara rasional, memang banyak makanan yang dimakan hari ini, malah sejak bertahun-tahun lalu, adalah makanan yang diubah suai secara genetik.

Bagaimanapun, ini bukan alasan untuk menyelidik atau pengusaha GMF untuk lepas tangan atau mengambil mudah aspek keselamatan makanan atau sebarang produk yang dihasilkan.

Industri yang mengaut keuntungan lumayan hasil daripada penjualan GMF ini seharusnya lebih bertanggungjawab dengan menjalankan ujian keselamatan terlebih dulu sebelum memasarkan produk mereka.

Seperti yang dinyatakan bekas Naib Presiden dan Setiausaha Luar Persatuan Diraja (Royal Society) United Kingdom, Sir Brian Heap, makanan atau tanaman yang diubah suai secara genetik amat penting bagi menangani masalah kebuluran.

Namun, bagaimana ia dihasilkan dan dipasarkan kepada pengguna, semua aspek itu harus dilaksanakan dengan pendekatan yang lebih bertanggungjawab dan terbuka.

Selain ujian yang dapat memastikan keselamatan produk berkenaan, industri harus memastikan mesej itu sampai kepada kumpulan sasaran, iaitu masyarakat pengguna secara keseluruhan.

Pada masa sama, industri harus memastikan pengguna sedar mengenai keperluan dan kebaikan produk bioteknologi ini kerana hanya dengan kesedaran itu, kemajuan bioteknologi dapat diterima ramai.